



SIARAN MEDIA

SEMARAK GEMILANG MALAYSIA MADANI MERIAHKAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2023

SEREMBAN 17 Ogos 2023 – Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil merasmikan Program Semarak Gemilang Malaysia MADANI anjuran Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) di Pusat Beli-belah Mydin, Seremban 2 hari ini.

Program yang diadakan bersama-sama Kempen “OHMYDIN! Meriah Bersama” sempena sambutan ulang tahun ke-66 Pusat Beli-belah Mydin bertujuan menggalakkan penyertaan dan kerjasama strategik pelbagai pihak khususnya syarikat swasta bagi menyemarakkan kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang kini sedang berlangsung.

Sebanyak 45 program Semarak Gemilang bakal dilaksanakan di seluruh negara sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibarkan Jalur Gemilang 2023 dan setakat ini, 14 program telah dilaksanakan seperti di LAMPIRAN.

Bagi Negeri Sembilan, sebanyak tiga (3) program telah diadakan dan dirancang iaitu di SMK Dato' Mansor, Bahau pada 1 Ogos 2023, Pusat Beli-belah Mydin di Seremban 2 pada 17 Ogos 2023 dan di Pusat Rekreasi Ulu Bendul, Kuala Pilah pada 26 Ogos 2023.

Program yang berlangsung pada 17 hingga 19 Ogos 2023 ini bakal dimeriahkan dengan pameran MyMerdeka 2023, Kuiz Kenegaraan, Permainan Dam Ular, *Puzzle* dan Kuiz ASEAN, Pertandingan Bintang Patriotik, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak serta Persembahan Kebudayaan oleh PENTARAMA JaPen.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Sukari bin Ab Hamid dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), YBhg. Datuk Wira (Dr.) Haji Ameer Ali Mydin.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Strategik dan Korporat
Kementerian Komunikasi dan Digital**

**SENARAI PERLAKSANAAN PROGRAM
SEMARAK GEMILANG MALAYSIA MADANI**

NO	LOKASI	NEGERI	TARIKH
1.	Batu Kawah Riverbank Park	Sarawak	23/6/2023
2.	Pulau Aman	Pulau Pinang	14/7/2023
3.	Kampung Warna Warni	Perlis	16/7/2023
4.	PPMS Bukit Buluh	Perak	19/7/2023
5.	Balairaya PPMS Bukit Buluh	Perak	19/7/2023
6.	SMK Syed Alwi	Perlis	22/7/2023
7.	Kampung Santan	Perlis	23/7/2023
8.	Dewan Terbuka Dataran Muara Kuala Besut	Terengganu	24/7/2023
9.	Dewan SMK Matang	Terengganu	25/7/2023
10.	SMK Dato' Mansor	Negeri Sembilan	1/8/2023
11.	Bangunan Sultan Iskandar, Simpang Tiga	Sarawak	3/8/2023
12.	Dataran Bunga Raya, Kg Tengah Kuala Perlis	Perlis	3/8/2023
13.	Dataran Pavilion Azizian SMK Sultan Abd Aziz	Perak	7/8/2023
14.	SMK Syed Alwi	Perlis	9/8/2023

Dikemaskini 10 Ogos 2023